

24/10/2002

KL tubuh sekretariat dinar emas

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia akan menubuhkan sekretariat yang akan memberi penjelasan mengenai konsep penggunaan dinar emas sebagai pembayaran perdagangan antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penubuhan sekretariat itu wajar kerana banyak negara berminat dengan idea penggunaan dinar emas, tetapi sukar mendapatkan maklumat yang diperlukan.

"Saya akan memaklumkan kepada Kabinet dan sekiranya (mereka) bersetuju, kami akan meminta Bank Negara Malaysia menubuhkan sekretariat," katanya pada sidang akhbar selepas menutup Seminar Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini, petang ini.

Hadir sama, Pengerusi Ikim, Tan Sr Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Abdul Monir Yaacob.

Terdahulu, pada sesi dialog dengan Perdana Menteri, seorang peserta dari Iraq mencadangkan satu sekretariat ditubuhkan bagi memberi penerangan kepada negara Islam lain mengenai dinar emas.

Dr Mahathir berkata, cadangan itu baik dan Malaysia akan menubuhkannya.

Beliau berkata, sekretariat itu bukan hanya akan menyediakan risalah mengandungi dinar emas, tetapi juga menghantar pegawainya ke luar negara bagi menerangkan konsepnya serta menilai undang-undang negara terbabit bagi memastikan tiada percanggahan dalam pelaksanaannya.

Ditanya mengapa Malaysia masih tidak dapat mencari rakan untuk melaksanakan dinar emas, Perdana Menteri berkata rancangan itu perlu dilakukan dengan berhati-hati serta tabah.

Bagaimanapun, katanya, sudah ada negara yang berminat tetapi tidak wajar bagi beliau menamakan negara berkenaan.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata dinar emas sudah boleh digunakan oleh dua negara perdagangan dengan tahap dagangan yang agak berimbang bagi perdagangan dua hala.

"Kita tidak perlu bercita-cita terlalu tinggi untuk melancarkan dinar emas bagi perdagangan pelbagai hala sekali gus," katanya.

Ditanya apakah negara Islam lain mempunyai kesanggupan politik untuk menerima dinar emas, Perdana Menteri yakin banyak negara daripada lebih 50 negara Islam mempunyai kekuatan dan tidak terikat dengan negara kaya atau agensi kewangan antarabangsa.

"Kita akan mengenal pasti mereka dan bekerjasama dengan mereka.

"Penggunaan dinar emas bukan bertujuan menjejaskan mata wang lain, sebaliknya hanya sebagai mata wang pilihan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata dalam keadaan dunia sekarang, negara Islam sewajarnya mengambil kesempatan untuk membuktikan kebaikan sistem dinar emas.

Perdana Menteri berkata, negara Islam akan lebih mampu mengendalikan ekonomi secara rasional dan pada masa sama boleh membuktikan bahawa mereka mampu mencapai pertumbuhan dengan stabil dan aman.

"Dan ini akan membantu menentang penindasan musuh mereka daripada bertindak balas secara ganas yang sia-sia," kata Dr Mahathir yang banyak menyentuh mengenai nasib umat dan negara Islam yang hilang arah dalam menghadapi penindasan kuasa besar.

Mengenai laporan Asian Wall Street Journal yang menggunakan gambar Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri dengan latar belakang bendera Malaysia dalam laporannya, Dr Mahathir berkata:

"Sebab apa orang baca surat khabar ini pun saya tak tahu, sebab dia (AWSJ) tak tahu apa pun. Surat khabar ini bukan tahu apa, cuma tahu jual surat khabar."